

TABUNG PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD

1. TUJUAN

Tujuan Tabung ini ialah untuk memberi sumbangan kebajikan dan pendidikan kepada anggota-anggota atau anak-anaknya yang layak.

2. JENIS-JENIS

- (1) (i) Pentaksiran Penilaian Tingkatan 3 ("PT3");
 (ii) Sijil Pelajaran Malaysia ("SPM");
 (iii) Sijil Menengah Agama ("SMA");
 (iv) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia ("STPM");
 (v) Sijil Tinggi Agama Malaysia ("STAM"); dan
 (vi) Matrikulasi / Program Asasi.
- (2) Sumbangan insentif pelajaran kepada anggota atau anak-anak yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat universiti di dalam atau di luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan. Semua institusi pengajian tinggi di dalam negara hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan serta mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara ("LAN").

3. JUMLAH SUMBANGAN

KETERANGAN	KATEGORI PEPERIKSAAN/ TAWARAN PENGAJIAN	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
Hadiah Cemerlang Akademik	PT3	RM100.00
	SPM dan SMA	RM200.00
	STPM	RM300.00
	MATRIKULASI / PROGRAM ASASI	RM300.00
Sumbangan Insentif Pelajaran	DIPLOMA	RM300.00
	SARJANA MUDA	RM500.00
	SARJANA	RM500.00
	DOKTOR FALSFAH	RM500.00

4. KELAYAKAN

- (1) PT3 : Sekurang-kurangnya mendapat pangkat A dalam mana-mana lima subjek.
- (2) SPM dan SMA : Mendapat sijil penuh dan sekurang-kurangnya mendapat pangkat A atau MUMTAZ dalam mana-mana enam mata pelajaran.
- (3) STPM dan STAM : Mendapat sekurang-kurangnya CGPA 3.0 ke atas dan keutamaan kepada mereka yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi.
- (4) MATRIKULASI / PROGRAM ASASI : Mendapat CGPA 3.0 dan ke atas.
- (3) SUMBANGAN : Sumbangan ini hanya dikeluarkan kepada insentif pelajaran anggota-anggota atau anak-anak anggota yang mengikuti pengajian peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

5. PERTIMBANGAN TAMBAHAN

- (1) Hanya anggota-anggota yang telah genap setahun keanggotaanya di dalam SHAMELIN dan mempunyai syer sekurang-kurangnya RM500.00 sahaja yang layak untuk memohon dari Tabung ini.
- (2) (i) Bagi permohonan Hadiah Cemerlang Akademik, hanya keputusan peperiksaan pada tahun semasa sahaja yang layak untuk memohon dari Tabung ini; dan
 (ii) Bagi permohonan Sumbangan Insentif Pelajaran, hanya tawaran melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi pada tahun semasa sahaja yang layak untuk memohon dari Tabung ini.

6. PERMOHONAN

- (1) Semua permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang dimajukan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran dan Keanggotaan yang disediakan. Hantarkan borang yang telah dilengkapi berserta dokumen-dokumen yang berkaitan termasuk mendapatkan pengesahan dan sokongan daripada Pengerusi atau Setiausaha Jawatankuasa Kawasan .
- (2) Tarikh tutup permohonan bagi Hadiah Cemerlang Akademik dalam peperiksaan PT3, SPM, SMA, STPM, STAM dan Matrikulasi / Program Asasi ialah tidak melebihi tiga (3) bulan dari tarikh keputusan peperiksaan diterima manakala bagi Sumbangan Insentif Pelajaran pula tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan tawaran bagi melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Bukti pendaftaran ke institusi-institusi pengajian tinggi berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia diperlukan sebagai sokongan.



Koperasi Shamelin Berhad

(Bil. Pendaftaran 4624)

38-6-4 Bangunan SHAMELIN Jalan 4/91 Taman Shamelin Perkasa 56100 Kuala Lumpur

Tel : 03-92852155 Faks : 03-92855606

BORANG PERMOHONAN TABUNG PENDIDIKAN

MUSTAHAK

1. Isikan borang ini dengan HURUF BESAR
2. Tandakan ✓ dipetak yang berkaitan
3. Hantarkan borang lengkap diisi ke alamat berserta salinan kad pengenalan anggota dan anak
4. Permohonan akan ditolak jika borang tidak diisi dengan lengkap dan tidak disertakan dokumen-dokumen yang diperlukan

KATEGORI YANG DIPOHON

1. Hadiah Cemerlang Akademik

i. PT3

iv. STPM

ii. SPM

v. STAM

iii. SMA

vi. MATRIKULASI /
PROGRAM ASASI

Peringatan :-

Sila kembalikan bersama salinan keputusan peperiksaan/matrikulasi yang telah disahkan

2. Sumbangan Insentif Pelajaran

i. DIPLOMA

iii. SARJANA

ii. SARJANA MUDA

iv. DOKTOR FALSAFAH

Peringatan :-

Sila kembalikan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan
a. Surat Tawaran
b. Surat / Resit Pendaftaran / Pengesahan Kemasukan

MAKLUMAT ANGGOTA YANG MEMOHON

Nama Penuh

No. Anggota

No. Kad Pengenalan

Alamat Rumah

Nama Penuh Anak

No. Kad Pengenalan

No. Tel. / Hp

Nama Bank

No. Akaun Bank

MAKLUMAT PERIHAL KEPUTUSAN DAN TAWARAN IPTA/IPTS

1. Hadiah Cemerlang Akademik

Kategori : PT3 / SPM / SMA / STPM / STAM / MATRIKULASI / PROGRAM ASASI
(Potong yang tidak berkenaan)

Tahun Peperiksaan

Keputusan

2. Sumbangan Insentif Pelajaran

Kategori : DIPLOMA / SARJANA MUDA / SARJANA / DOKTOR FALSAFAH
(Potong yang tidak berkenaan)

Tarikh Surat Tawaran

Sesi Akademik

Universiti / Institusi

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN

Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang saya berikan adalah benar

Tandatangan Anggota

Tarikh :

Tandatangan Pengerusi/ Setiusaha Kawasan

Tarikh :